

Headline **Ratu cantik HIV rusia**  
Date **08 Jan 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **21**  
Article Size **711 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,182**  
PRValue **18,546**



# Ratu cantik HIV Rusia

Dinafikan hak penjagaan adik sendiri ekoran disahkan HIV positif, Svetlana Izambeyeva terus berjuang untuk menghapuskan diskriminasi terhadap penghidap HIV dengan memfailkan rayuan hak penjagaan adiknya kepada pihak berkuasa Rusia.



**SVETLANA** melayan dua anaknya yang disahkan negatif HIV biarpun dia sendiri menghidap AIDS.

Headline **Ratu cantik HIV rusia**  
Date **08 Jan 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **21**  
Article Size **711 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,182**  
PRValue **18,546**



**SALAH** seorang anak Svetlana.

Headline **Ratu cantik HIV rusia**  
Date **08 Jan 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **21**  
Article Size **711 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,182**  
PRValue **18,546**



**SVETLANA melayan kerenah salah seorang anaknya.**

Headline **Ratu cantik HIV rusia**  
Date **08 Jan 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **21**  
Article Size **711 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,182**  
PRValue **18,546**

**S**VETLANA Izambeyeva mahu membebaskan adiknya daripada jagaan rumah anak yatim, tapi ada satu halangan.

Disebabkan dia penghidap HIV positif, pihak berkuasa Rusia mengeluarkan satu notis penolakan terhadap permintaannya yang menyatakan beliau menghidap penyakit yang tidak boleh dirawati.

Justeru, Svetlana, 28, memfailkan rayuan hak penjagaan adiknya, yang berusia 10 tahun, sejak kematian ibu mereka Februari tahun lalu.

Keadaan ini menunjukkan walaupun semua pihak termasuk kerajaan berkempen untuk Hari AIDS Sedunia, diskriminasi masih lagi merupakan perkara normal berbanding keadaan para penghidap HIV.

Menariknya dalam isu ini, kes Svetlana dilihat sebagai senjata utama dalam kempen menentang diskriminasi terhadap penghidap HIV sehingga dia dimahkotakan sebagai Ratu Positif dalam satu pertandingan ratu cantik untuk wanita yang positif HIV.

Laporan rasmi pihak berkuasa Rusia masih lagi mempertahankan pendirian mereka bahawa wanita tersebut tidak layak untuk menjadi ibu angkat kepada adiknya sendiri, walaupun Svetlana telah berkahwin dan mempunyai dua orang anak yang bebas daripada jangkitan HIV melalui prosedur perubatan mengasingkan virus semasa dalam kandungan pada tahun 2003.

"Penyakit berjangkit yang dihidapi anda adalah sebab utama kami menolak permohonan hak jagaan adik anda.

"Ini akan kekal sehingga penyakit anda sembuh," jelas kandungan surat rasmi daripada pihak berkuasa tempatan di sana.

Menurut surat itu lagi, penyakitnya diklasifikasikan sebagai penyakit pandemik.

Para aktivis menyatakan kes-kes seperti Svetlana adalah sesuatu yang boleh diduga kerana di Rusia, mereka yang menghidap HIV sentiasa menyembunyikan status mereka daripada kalangan masyarakat setempat kerana takut dipencilkan.

"Sebelum ini, selalu bermain dalam fikiran saya untuk menyembunyikan serta mengasingkan diri daripada celaan dan hinaan masyarakat tetapi ada di antara mereka yang senasib dengan saya berani untuk menjalani kehidupan normal dan bahagia dan mereka berjaya," ujar Svetlana yang sebelum ini bekerja sebagai jurudandan rambut di Volga River City di Kazan, lebih kurang 800 kilometer dari

Moscow.

Menurut laporan Pusat Aids Persekutuan Rusia, populasi penghidap HIV positif di negara tersebut terus meningkat dengan mendadak dengan 140-150 kes jangkitan baru dilaporkan setiap hari dan satu peratus daripadanya adalah penghidap HIV positif.

"Masyarakat di sini tidak mahu menerima mereka yang menghidap HIV. Jika anda sedang berbual atau menjamu selera dengan mereka, peratus untuk dipencilkan amat tinggi jikalau anda akui anda merupakan HIV positif," ujar Vladimir Mayanovsky, Presiden Kesatuan Penghidap HIV Rusia, sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO).

"Kebanyakan mereka ini masih lagi di takut lama kerana mereka selalu beranggapan HIV boleh berjangkit melalui berkongsi pinggan mangkuk atau gigitan nyamuk. Jadi tidak hairan kenapa mereka ini takut untuk tinggal bersama dengan para penghidap HIV," katanya.

Adalah suatu perkara normal bagi mereka yang positif HIV menjadikan kawasan kampung atau pekan-pekan kecil sebagai lokasi kediaman kerana tekanan dan persepsi negatif masyarakat terhadap me-

reka, menurut Doverie dan Trust, sebuah organisasi sokongan untuk para penghidap HIV di Rusia.

Svetlana menjelaskan, dia sangat kecewa kerana adiknya terpaksa melalui kehidupan yang sukar serta diabaikan di rumah anak yatim berikutan statusnya.

"Adik saya tidak dijaga dengan sebaik mungkin. Rambutnya selalu kotor dan sen-

Headline **Ratu cantik HIV rusia**  
Date **08 Jan 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **21**  
Article Size **711 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,182**  
PRValue **18,546**

tiasa dalam ketakutan," ujarnya.

Permohonan Svetlana telah disuarakan oleh Angora, sebuah organisasi hak asasi manusia untuk mencabar kewibawaan dan diskriminasi yang diamalkan kerajaan.

"Penolakan permohonan Svetlana adalah salah di sisi undang-undang dan ia adalah satu diskriminasi. Ironinya di sini, beliau adalah penghidap HIV positif yang telah melahirkan dua orang anak yang bebas HIV tetapi hak sebagai kakak dan penjaga rasmi terhadap adiknya dinafikan.

"Tidak pernah tergugat dengan suara lantang menentang diskriminasi, pihak berkuasa tempatan tetap berdiri teguh dengan keputusan mereka tidak memberi hak penjagaan dan turut menjelaskan Svetlana mesti membuat rayuan di mahkamah.

"Kami masih lagi membenarkan rayuan dibuat dan bersedia untuk menganalisis kesemua soalan dan bukti yang dikemukakan berdasarkan prosedur mahkamah," jelas Valentina Ivanova, pegawai perkhidmatan sosial tempatan.

Angora dan para aktivis lain menyelar keputusan pihak berkuasa berkenaan kerana kurangnya didikan sempurna mengenai perihal AIDS di Rusia.

"Sekarang terpulang kepada pihak tertinggi kerajaan untuk memberikan satu penjelasan yang mapan serta adil bahawa penyakit ini tidaklah seteruk seperti yang diuar-uarkan.

"Mereka yang positif HIV turut boleh menjadi anggota masyarakat yang produktif seperti mereka yang lain," ujarnya. - AFP